

# LATIHAN MENEMBAK MARKAS PASUKAN SIMPANAN TENTERA UDARA DAN PSSTUDM AIROD TAHUN 2017

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2660-latihan-menembak-markas-pasukan-simpanan-tentera-udara-dan-psstudm-airod-tahun-2017](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2660-latihan-menembak-markas-pasukan-simpanan-tentera-udara-dan-psstudm-airod-tahun-2017)

BANTING, 8 Nov 17 – Markas Pasukan Simpanan Tentera Udara (MPSTU) telah melaksanakan Latihan Menembak bersama Anggota PSSTUDM AIROD bertempat di Lapang Sasar Batu Hampar, Jugra pada 6 hingga 8 Nov 17. Latihan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan senjata M4 Carbine 5.54mm bagi semua Pegawai dan Anggota MPSTU serta Anggota PSSTUDM AIROD. Pertandingan Jatuh Piring bagi Kategori Staf telah dimenangi oleh kumpulan yang dianggotai oleh Kpl U Hanafi, Kpl U Azwan dan LU II Wan Syahrulnizam. Manakala bagi Kategori Pegawai dan Jemputan telah dimenangi oleh kumpulan yang dianggotai oleh YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Sabri bin Adam TUDM (Bersara), YBhg Brig Jen Dato' Dr Ismail bin Manuri TUDM dan Kol Muhammad Shafiq bin Jahudi TUDM. Latihan ini juga turut di hadiri oleh Pegawai-Pegawai Kehormat PSSTUDM.



